

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan Kerajaan untuk mengubah undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk memastikan ada cukup ventilasi di tempat kerja untuk kurangkan penularan COVID-19. Apakah cara-cara Kerajaan membantu majikan untuk menambahbaik sistem pengudaraan selain daripada penyediaan garis panduan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, sistem pengudaraan dan kualiti udara dalaman dikawal di bawah peruntukan perundangan berikut:

- i. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (*Uniform Building by Law 1984*) yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Pihak Berkuasa Tempatan;
- ii. Peraturan 25(2)(a) di bawah Peraturan Kilang dan Jentera (Peraturan Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan 1970), menyatakan kadar pertukaran udara adalah tidak kurang daripada 10 setiap satu jam, bergantung kepada proses yang dijalankan di tempat kerja. Perundangan ini dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan

- iii. Kod Amalan Industri Kualiti Udara Dalam 2010 (*Industry Code of Practice on Indoor Air Quality 2010, ICOP IAQ*) yang menggariskan peruntukan minimum bagi memastikan kualiti udara dalaman yang baik untuk kesihatan dan keselesaan penduduk bangunan bukan industri (*non-industrial building*).

Kod Amalan Industri Kualiti Udara Dalam 2010 ini dikuatkasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pada ketika ini, Kod Amalan Industri Kualiti Udara Dalam 2010 sedang dipinda dan sebarang keperluan berkaitan dengan pengudaraan dalam memastikan pengurangan risiko penularan COVID-19 akan diambil kira dalam pindaan kod amalan ini.

Sebagai tambahan, bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menerbitkan Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam Dalam Tempoh Pandemik COVID-19.

Bagi membantu majikan menambahbaik sistem pengudaraan, KSM telah dan sedang mengambil tindakan seperti berikut:

- ii. Sesi taklimat berkenaan Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam Dalam Tempoh Pandemik COVID-19 kepada hampir 3,000 peserta yang terdiri daripada wakil majikan, pekerja dan pengamal KKP; dan
- iii. Hebahan berkenaan Panduan yang sama melalui platform media sosial dan media elektronik.

Dengan ini, bilangan penaksir kualiti udara dalaman dapat ditingkatkan bagi membantu majikan memastikan kualiti udara dalaman di tempat kerja berada pada tahap yang baik.